

**Tindakan Pematuhan UPM Terhadap Ketetapan Terkini
Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**

**Pengecualian Kursus Prasyarat Bagi Kemasukan ke Program
Pascasiswazah di Bawah Standard Program: Pengajian Perniagaan**
[Surat Pekeliling MQA Bil. 3/2025 bertarikh 10 November 2025]

Ringkasan ketetapan

- i. MQA telah mengeluarkan Pekeliling MQA Bil. 1/2021 bertarikh 27 Ogos 2021 berkaitan penggunaan edisi terkini Standard Program: Pengajian Perniagaan yang telah menetapkan keperluan lulus kursus prasyarat bagi calon pelajar pascasiswazah yang tidak mempunyai kelayakan akademik dalam bidang dan pengalaman kerja yang berkaitan. Manakala *Advisory Note No. 6/2021* bertarikh 24 Ogos 2021 turut menjelaskan panduan pelaksanaan kursus prasyarat bagi calon pelajar bukan dalam bidang berdasarkan keperluan Standard: Ijazah Sarjana dan Kedoktoran Edisi Kedua (SMDD) (2021).
- ii. Berdasarkan cadangan pihak berkepentingan, MQA melaksanakan penambahbaikan berkaitan keperluan kursus prasyarat dalam kelayakan masuk bagi program pascasiswazah.
- iii. MQA telah memutuskan bahawa pengecualian kursus prasyarat boleh diberikan kepada calon pelajar yang tidak mempunyai kelayakan akademik dalam bidang dan pengalaman kerja berkaitan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - (a) Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) minimum 3.00 di peringkat Ijazah Sarjana Muda; dan
 - (b) PPT perlu menjalankan penilaian dalaman yang teliti (*rigorous internal assessment*). Sekiranya tidak melepasi penilaian tersebut, calon pelajar boleh dipertimbangkan untuk mengikuti dan lulus kursus prasyarat seperti yang telah ditetapkan dalam Standard Program: Pengajian Perniagaan.
- iv. Pengecualian ini hanya bagi program pascasiswazah yang bersifat umum dan secara kerja kursus iaitu kategori 'General Master's Programme (*without specialisation*)' dan 'Doctoral Degree by Coursework' yang ditawarkan dalam bidang Pengajian Perniagaan.
- v. Surat pekeliling berkaitan seperti yang diterangkan di atas boleh dirujuk dan dimuat turun melalui laman web CQA di bawah modul [SWAAKREDITASI](#).

Tindakan di peringkat UPM

- vi. Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE), Fakulti Kemanusiaan, Pengurusan dan Sains (FKPS), UPM Sarawak dan fakulti/sekolah lain yang berkaitan perlu merujuk kepada ketetapan ini untuk pelaksanaan dan pematuhan terhadap ketetapan terkini MQA.

Disediakan oleh:
Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Putra Malaysia
Tarikh Kemas Kini: 7 Disember 2025